

Wasat adalah warkah dalam talian terbitan Pergas. Diwujudkan bagi menerbitkan apa jua penulisan hasil kajian dan pemikiran yang bertemakan *wasatiyah* (kesederhanaan). Ia bertujuan menyebarkan idea dan menggalakkan wacana *wasatiyah* dalam kefahaman dan amalan Islam dalam konteks masyarakat Islam Singapura.

Sumbangan bahan penulisan amat dialu-alukan. Semua bahan penulisan haruslah memenuhi kriteria berikut:

- Bertemakan *wasatiyah* atau relevan dengan tema *wasatiyah*. Penyumbang boleh menulis dari apa jua sudut i.e. fiqh, akidah, akhlak, falsafah, sosio-agama, atau politik-agama asal sahaja isinya dapat dikaitkan dengan tema *wasatiyah*.
- Panjang penulisan ialah, minimum 1000 perkataan dan maksimum 2500 perkataan.

Penerbitan penulisan yang disumbangkan ialah atas budi bicara penuh pihak penyunting.

Pihak penyunting mempunyai hak untuk melakukan suntingan yang munasabah bagi bahan yang disumbangkan atas faktor-faktor bahasa atau ruang.

Untuk menyumbang, sila hantarkan penulisan anda ke wasat@pergas.org.sg

Barisan Penyunting: Ustaz Irwan Hadi Mohamad Shuhaimi, Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Mohd. Yusoff, Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Puan Sundusia Rosdi Grafik / halaman web / pembantu teknikal: Remy Mahzam, Ustazah Khairunnisaa Abdul Rahim

Edisi (Edition) no. 14 / April 2017

Kandungan

- Dari meja penyunting... (mukasurat 2)
- *Wasati* (Sederhana dan Adil) Dalam Menangani Perbezaan Dalam Amalan Solat: Satu Kajian Terhadap Hadis-Hadis Sifat Solat Rasulullah s.a.w, oleh Ustaz Mohammad Yusri Yubhi bin Md. Yusoff (mukasurat 3)
- Skim Pengiktirafan Asatizah Mandatori: Satu Analisa, oleh Ustaz Firdaus Yahya (mukasurat 9)
- *Fiqh Ma'al* Dalam Pendekatan Dakwah, oleh Ustaz Mohammad Rizhan bin Leman (mukasurat 16)
- A *Wasatiyah* Approach to Decision Making Based on *Shari'ah*, by Ustaz Muhammad Haniff Hassan (page 22)

Nota: Hakcipta penerbitan artikel ini dimiliki oleh Pergas. Tidak dibenarkan mengulang cetak artikel ini di mana-mana wadah penerbitan lain dan dalam bentuk apa jua bentuk tanpa izin dari Pergas. Namun, keizinan diberikan untuk mengongsi artikel ini melalui alamat url yang asal.

Segala pendapat yang yang dikemukakan oleh para penulis artikel adalah milik penulis dan tidak mewakili pendirian rasmi Pergas, kecuali jika dinyatakan sedemikian secara tersurat oleh Pergas.

CONNECT WITH US



www.wasatonline.wordpress.com



Dari meja penyunting....

Selamat bertemu kembali kepada sekalian para pembaca dalam *Wasat*, no. 14/April 2017.

Wasat kali ini masih menyajikan empat artikel untuk bacaan dan renungan pembaca.

Artikel pertama bertajuk *Wasati* (Sederhana dan Adil) Dalam Menangani Perbezaan Dalam Amalan Solat: Satu Kajian Terhadap Hadis-Hadis Sifat Solat Rasulullah s.a.w, sumbangan Ustaz Mohammad Yusri Yubhi bin Md. Yusoff. Artikel ini cuba menjelaskan sebab kewujudan perbezaan pendapat di kalangan para ulama dari sudut hadis sebagai salah satu sumber primer hukum hakam Islam. Dalam mengetengahkan isu ini, beliau menggunakan contoh dari cara solat Rasulullah s.a.w yang dilaporkan dalam pelbagai hadis dan darinya lahir pendapat-pendapat berbeza di sisi para ulama tentang bagaimana bacaan atau pergerakan solat itu dilaksanakan sesuai dengan Sunnah. Apa yang menarik dari contoh ini ialah kesimpulan penulis bahawa kepelbagaian pendapat ini, tidak semestinya menatijahkan satu pendapat sahaja yang

betul kerana kesemuanya memang dilakukan oleh Nabi s.a.w di waktu yang berbeza-beza dan disaksikan oleh sahabat berbeza. Selain itu, kajian ini juga mendedahkan bahawa perbezaan tentang cara Nabi s.a.w melakukan solat telah wujud di kalangan para sahabat sejak dahulu lagi. Namun ia tidak menimbulkan ketidakharmonian di kalangan mereka dan ini adalah sifat *wasatiyah* patut dijadikan pengajaran bagi umat Islam hari ini.

Artikel kedua bertajuk Skim Pengiktirafan Asatizah Mandatori: Satu Analisa, sumbangan Ustaz Firdaus Yahya membicarakan pelaksanaan skim pengiktirafan asatizah mandatori (ARS) yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2017. Penulis membicarakan skim ini secara kritikal setelah pemerintah menggazetkan Peraturan Pentadbiran Undang-undang Muslim (Sekolah Agama Muslim) 2016 dan edarannya kepada orang awam. Penulis memberi latarbelakang sejarah skim pengiktirafan ini dan membetulkan beberapa tanggapan salah bahawa pelaksanaan skim ini bermula dari inisiatif pemerintah untuk mengawal perkongsian ilmu di kalangan asatizah. Namun, penulis juga menawarkan beberapa kritikan tajam terhadap implikasi dari skim ini setelah peraturan yang mengatur skim ini digazetkan. Tajuk artikel ini relevan bagi *Wasat* yang mengutamakan isu-isu *wasatiyah* kerana asatizah adalah golongan penting bagi menjayakan usaha membudayakan nilai dan fahaman *wasatiyah*. Oleh itu, apa juga skim yang mengatur golongan asatizah dan sekali gus mencorakkan aktiviti mereka penting dalam menentukan kejayaan usaha ini. Selain itu, skim itu sendiri harus menampilkan ciri-ciri *wasatiyah* seperti jauh dari kepentingan-kepentingan kelompok dan terpelihara dari kemungkinan penyalahgunaan.

Artikel ketiga adalah sumbangan Ustaz Mohammad Rizhan bin Leman dengan tajuk *Fiqh Ma'al* Dalam Pendekatan Dakwah. Artikel ini membicarakan salah satu prinsip *wasatiyah* dalam berdakwah, iaitu mengambil kira kesan baik dan buruk sesuatu aktiviti. Bagi menolak tanggapan salah, penulis membawa contoh-contoh dari Al-Quran, Sunnah dan amalan para sahabat bagi menunjukkan prinsip ini berteraskan kukuh pada dalil syarak dan tradisi ilmu Islam. Penulis kemudian memberi beberapa *tips* bagi penerapan prinsip ini di masa kini. Dengan kata lain, adalah satu kesilapan bagi sesiapa yang berdakwah demi menyampaikan kebenaran tanpa peduli akan kemungkinan natijah buruk dari dakwahnya. Sekaligus, artikel ini menganjurkan para pembaca dan aktivis dakwah untuk mempelajari apa yang dikenali sebagai *Fiqh Ma'al* dalam tradisi ilmu Islam.

Artikel keempat adalah sumbangan Ustaz Muhammad Haniff Hassan yang bertajuk *A Wasatiyah Approach to Decision Making Based on Shari'ah*. Artikel ini membicarakan proses membuat keputusan atau menghuraikan sesuatu masalah yang dihadapi dalam kehidupan sejajar dengan kehendak agama yang menekankan prinsip *wasatiyah* (sederhana dan adil). Yang menarik dari artikel ini ialah ia memberikan *tips* dalam bentuk langkah-langkah mudah apabila ingin membuat keputusan dan mencari huraian sesuatu masalah. Selain itu juga ialah kesimpulan dari artikel ini yang menegaskan cara membuat keputusan dan huraian sesuatu masalah yang bersifat saksama dalam Islam tidak seharusnya terhenti pada mengenal pasti atau berdasarkan hukum prinsipal bagi isu atau masalah yang dihadapi sahaja. Ia harus ambil kira faktor-faktor lain seperti realiti sesuatu konteks, kesan sesuatu pilihan dan *awlawiyat* (keutamaan) semasa. Artikel ini mengingatkan pembaca agar tidak hanya bergantung pada nas (teks Al-

Quran dan hadis) sahaja apabila ingin menentukan hukum bagi sesuatu hukum dan masalah kerana para ulama dahulu, apabila berijtihad bagi menentukan hukum dan huraikan sesuatu masalah, mengambil berat faktor *maqasid shari'ah*, imbalan antara maslahat dan mudarat dan hirarki keutamaan dalam konteks tertentu i.e. orang yang menjadi subjek hukum dan sekitaran di mana dia berada.

Sekian, selamat membaca.

Wassalam



Wasati (Sederhana dan Adil) Dalam Menangani Perbezaan Dalam Amalan Solat: Satu Kajian Terhadap Hadis-Hadis Sifat Solat Rasulullah s.a.w.**

Oleh Ustaz Mohammad Yusri Yubhi bin Md. Yusoff

Pengenalan

Dengan kesedaran untuk mendalami ilmu agama semakin meningkat di kalangan masyarakat termasuk mempelajari amalan-amalan yang bersandarkan Sunnah¹ yang *sahih*, adab dalam menegur dan memberikan pendapat kadangkala diabaikan, sedangkan apa yang diperselisihkan sebenarnya masih lagi sealign dengan Sunnah Rasulullah.

Bagi memahami perkara ini dengan lebih lanjut, saya akan membawa contoh-contoh hadis dalam amalan dan bacaan solat Rasulullah s.a.w. tentang bagaimana para ulama menilai dan mengamalkan hadis-hadis ini dan berbeza pendapat mengenainya.

Kajian kes pada hadis-hadis riwayat berkenaan sifat solat Rasulullah s.a.w


Bagi membawa gambaran yang lebih jelas mengenai hal ini, banyak perkara yang perlu dipertimbangkan, samada ia merupakan satu-satunya riwayat atau terdapat hadis-hadis dari riwayat-riwayat yang berlainan. Dalam sesetengah keadaan kadangkala memerlukan pengkaji untuk menghimpunkan hadis-hadis yang berkaitan dalam satu tajuk, penyelarasan atau men*tarjih* hadis-hadis yang saling bertentangan.²

Dalam perbincangan ini, penulis akan cuba memberikan contoh-contoh dari kajian riwayat-riwayat hadis mengenai sifat solat Rasulullah s.a.w. yang dapat dirumuskan melalui enam pembahagian di bawah.

**Artikel ini adalah sedutan, dengan sedikit olahan dan penambahan, dari disertasi penulis yang bertajuk *Kefahaman dan Pengamalan Solat Berdasarkan Sunnah Rasulullah s.a.w.: Satu Kajian Di Kalangan Masyarakat Islam Singapura* bagi ijazah Sarjana Usuluddin (Secara Disertasi), Jabatan Al-Quran dan Hadis dari Universiti Malaya pada tahun 2008. Kertas yang sama juga pernah dibentangkan semasa Seminar Hadis di Masjid Assyafaah pada 10 April 2016 yang lalu.

¹Sunnah di sini adalah merujuk pada, sebagaimana yang telah didefinisikan oleh ulama hadis, amalan dan kata-kata Nabi s.a.w. Lihat Dr. Nur Al-Din `Itr (1997), *Manhaj Al-Naqd Fi `Ulum Al-Hadith*, c. 3. Beirut: Dar Al-Fikr Al-Mu`asir, ms. 26 yang mendefinisikannya sebagai apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. dari perkataan, perbuatan, taqir, sifat-sifat peribadi dan sifat kejadian beliau s.a.w..

²Sila rujuk lebih lanjut pada kitab karangan Dr Yusuf Al-Qaradawi (1996), Huda Mohsin et al (terjld.), *Bagaimana Berinteraksi Dengan Al-Sunnah*, Kuala Lumpur: Budaya Ilmu, ms. 140.



Pertama: Keumuman hadis pada amalan solat.

Walapun tiada sebarang dalil daripada Al-Quran mahu pun Sunnah yang menunjukkan tentang cara Rasulullah s.a.w. melakukan atau menjatuhkan niat dalam solat beliau, amalan niat tetap dianggap sebagai perkara yang perlu untuk dilakukan dalam setiap ibadah termasuk solat berdasarkan keumuman hadis tentangnya yang diriwayatkan oleh Saidina Umar r.a.

“Saya mendengar Rasulullah bersabda: ‘Hanyasanya semua amal perbuatan itu dengan disertai niat-niatnya dan hanyasanya bagi setiap orang itu apa yang telah menjadi niatnya....’”³

Menurut ulama mazhab Shafi’i yang menjadi pegangan rata-rata masyarakat Islam di Malaysia, Indonesia, Singapura dan juga di Nusantara ini, menjatuhkan niat di hati adalah fardu dan termasuk dalam rukun solat berdasarkan hadis riwayat ini.⁴

Menurut pendapat yang sahih di sisi mereka lagi seperti yang disebutkan dalam kitab *Mughni Al-Muhtaj* karangan Imam Al-Khatib Al-Sharbini, niat diwajibkan ketika mula takbir sehinggalah selesai takbir.⁵ Manakala para ulama mazhab lain menyatakan kedudukan niatnya adalah semasa sebelum *takbiratul ihram*.⁶

Kedua: Kesepaduan hadis pada amalan dan bacaan solat.

Contoh kesepaduan hadis ini dapat dilihat melalui amalan melafazkan *takbiratul ihram* dalam solat.

Hadis pertama ialah, sabda Rasulullah s.a.w, “Anak kunci solat ialah kesucian dan *tahrimnya* (memasukinya) ialah takbir dan *tahlilnya* (menamatkannya) pula ialah salam.”⁷

Hadis kedua yang memperkuat hadis pertama di atas ialah sabda Rasulullah s.a.w, “...Jika kamu berdiri untuk mengerjakan solat, maka bacalah lafaz takbir. Kemudian bacalah ayat Al-Quran yang terasa mudah bagimu [setelah sebelumnya membaca surah Al-Fatihah].”⁸

Hadis-hadis ini jelas menunjukkan bahawa *takbiratul ihram* disyariatkan pada permulaan solat sebelum dilakukan perbuatan atau diucapkan perkataan lain di dalam solat, malah jika tidak dimulakan dengan takbir maka rosak solatnya sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis pertama di atas.

Hadis ketiga pula menerangkan bentuk lafaz takbir yang diucapkan oleh Rasulullah s.a.w ketika bersolat, iaitu “Allahu Akbar”. Dari Abu Humayd r.a. berkata: “...Biasanya Rasulullah s.a.w. apabila berdiri untuk solat, beliau berdiri dengan lurus, mengangkat kedua tangannya setentang dengan kedua bahunya kemudian mengucapkan “Allahu Akbar”.⁹

³Al-Imam Muhammad bin Isma’il bin Ibrahim bin Al-Mughirah bin Bardizbah Al-Bukhari (2001), Sidqi Jamil Al-Attar (ed.), *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Bad’ Al-Wahy, Bab Kayfa Kan Bad’ Al-Wahy Ila Rasul Allah, no. hadis 1, jld. 1, Beirut: Dar Al-Fikr, ms. 17.

⁴Dr. Anisah Bt. Abdul Ghani (2001), *Konsep Dan Pengamalan Solat: Satu Kajian Di Zaman Rasulullah, Sahabat dan Tabi’in*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, ms. 146. Dinukil daripada kitab *Al-Muhalla* karangan Ibn Hazm.

⁵Muhammad bin Muhammad Al-Khatib Al-Syarbini (2000), *Mughni Al-Muhtaj Ila Ma’rifat Ma’ani Alfaz Al-Minhaj*, jld.1, Bayrut: Dar Kutub Al-’Ilmiyyah, ms. 347.

⁶Sila lihat perbincangan ini dalam *Fiqh ‘Ala Madzahib Al-Arba’ah* oleh Al-Jaziri.

⁷Al-Imam Abu Dawud Sulayman bin Al-Ash’ath Al-Sajastani Al-Azdi (t. t.), Muhammad Muhy Al-Din ‘Abd Al-Hamid (ed.), *Sunan Abi Dawud*, Kitab Taharah, Bab Fard Wudu’, no. hadis 61, jld. 1, t. tp.: Dar Ihya’ Al-Sunnah Al-Nabawiyah, ms. 16. Hadis ini dinilai *hasan* oleh Imam Al-Baghawi, pengarang kitab *Sharh Al-Sunnams*. Lihat: Al-Imam Al-Husayn bin Mas’ud Al-Baghawi (1983), Shu’ayb Al-Arnaut *et al* (ed.), *Sharh Al-Sunnah*, jld. 3, c. 2, Beirut: Al-Maktab Al-Islami, ms. 17.

⁸Al-Imam Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qushayri Al-Naysaburi (1955), Muhammad Fu’ad ‘Abd Al-Baqi (ed.), *Sahih Muslim*, Kitab Al-Salah, Bab Wujub Qira’ah Al-Fatihah, no. hadis 45, jld. 1, Beirut: Dar Ihya’ Al-Kutub Al-’Arabiyyah, ms. 298.

Ketiga: Amalan atau bacaan Nabi s.a.w dari sumber riwayat hadis-hadis *sahih* yang bertentangan.

Hadis-hadis bagi amalan atau bacaan Nabi dari sumber riwayat hadis-hadis *sahih* yang bertentangan dapat dilihat pada amalan beliau dalam mengangkat tangan ketika *takbiratul ihram*. Antara hadis yang menjelaskan perkara ini ialah:

1. Hadis mengangkat tangan setara bahu.

Dari Abdullah bin Umar r.a. dia berkata: "Apabila Rasulullah s.a.w. telah berdiri untuk mengerjakan solat, beliau mengangkat kedua belah tangannya sampai sejajar dengan kedua bahunya, kemudian beliau bertakbir."¹⁰

2. Hadis mengangkat tangan setentang telinga.


Dari Wa'il bin Hujr dia berkata: "Aku berkata, Aku benar-benar melihat solat Rasulullah s.a.w., dan melihat bagaimana cara beliau mengerjakan solat. Selanjutnya Wa'il berkata: Rasulullah s.a.w. berdiri mengadap kiblat lalu bertakbir, beliau mengangkat kedua tangannya sehingga sejajar dengan kedua telinganya..."¹¹

Melalui kedua hadis-hadis ini, jelas terdapat dua cara amalan Rasulullah s.a.w dalam bertakbir: a) mengangkat tangan ke paras bahu, dan b) mengangkat tangan hingga ke paras telinga. Kedua-duanya merupakan Sunnah Rasulullah.

Keempat: Amalan atau bacaan Nabi s.a.w yang bersumber dari riwayat yang umum maksudnya.

Dalam beberapa keadaan, terdapat juga amalan solat Nabi s.a.w. yang berpunca dari satu sumber riwayat yang mempunyai maksud yang umum, maka terdedah pula pada beberapa tafsiran ulama.

Contoh bagi perkara ini ialah hadis berkaitan dengan posisi tangan pada kedudukan *qiyam* (berdiri) dalam solat pada hadis, "Adalah Rasulullah s.a.w. dalam solat ketika *qiyam* meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri kemudian Baginda mengeratkan di antara kedua tangannya dan meletakkannya di atas dada."¹²



⁹Al-Imam Muhammad bin Yazid Al-Qazwini (t. t.), *Sunan Ibn Majah*, Kitab Iqamah Al-Salah Wa Al-Sunnah Fiha, Bab Raf' Al-Yadayn Idha Raka'a, Wa Idha Rafa'a Ra'sah Min Al-Ruku', no.hadis 862, jld. 1, Beirut: Dar Ihya' Kutub Al-'Arabiyyah, ms. 280. Hadis ini dinilai sebagai *sahih* oleh *muhaqqiq* kitab *Sharh Al-Sunnah* iaitu Shu'ayb Al-Arna'ut dan Zuhayr Al-Shawis. Lihat Al-Imam Al-Husayn bin Mas'ud Al-Baghawi, (1983), *Sharh Al-Sunnah*, Shu'ayb Al-Arna'ut *et al* (ed.), jld. 3, c. 2, Beirut: Al-Maktab Al-Islami, ms. 13.

¹⁰Al-Imam Abu Dawud Sulayman Ibn Al-Ash'ath Al-Sajastani Al-Azdi (t. t.), Muhammad Muhy Al-Din 'Abd Al-Hamid (ed.), *Sunan Abi Dawud*, Kitab Al-Salah, Bab Raf' Al-Yadayn Fi Al-Salah, no. hadis 722, jld. 1, t. tp.: Dar Ihya' Al-Sunnah Al-Nabawiyyah, ms. 192. Hadis ini dinilai sebagai *sahih* oleh *muhaqqiq* kitab *Sharh Al-Sunnah* iaitu Shu'ayb Al-Arna'ut dan Zuhayr Al-Shawis. Lihat Al-Imam Al-Husayn bin Mas'ud Al-Baghawi (1983), *Sharh Al-Sunnah*, Shu'ayb Al-Arna'ut *et al* (ed.), jld. 3, c. 2, Beirut: Al-Maktab Al-Islami, ms. 22.

¹¹Ibid., no. hadis 726, ms.193. Hadis ini dinilai sebagai *sahih* oleh Al-Albani dalam kitabnya *Sahih Sunan Abi Dawud*. Lihat: Muhammad Nasir Al-Din Al-Albani (2000), *Sahih Sunan Abi Dawud*, jld. 1, c. 2. Riyadh: Maktabah Al-Ma'arif, ms. 210.

¹²Al-Imam Abu Dawud Sulayman Ibn Al-Ash'ath Al-Sajastani Al-Azdi (t. t.), Muhammad Muhy Al-Din 'Abd Al-Hamid (ed.), *Sunan Abi Dawud*, Kitab Al-Salah, Bab Wad' Al-Yamin 'Ala Al-Yusra Fi Al-Salah, no. hadis 759, jld. 1, Beirut: Dar Ihya' Al-Sunnah Al-Nabawiyyah, ms. 201. Hadis ini dinilai *sahih* oleh Al-Albani di dalam kitab *Sahih Sunan Abi Dawud*. Lihat Muhammad Nasir Al-Din Al-Albani (2000), *Sahih Sunan Abi Dawud*, jld. 1, c. 2. Riyadh: Maktabah Al-Ma'arif, ms. 216.

Hadis ini menjelaskan posisi sebenar tangan kanan di atas tangan kiri ialah di bahagian atas dada. Sebahagian berpendapat ini adalah yang paling kuat kerana banyak diriwayatkan daripada hadis sahih tentangnya berbanding dengan riwayat yang menyatakan di bawah pusat yang terdiri daripada hadis berdarjat daif (lemah).¹³

Namun yang benar ialah meletakkan tangan di bahagian dada dan meletakkan tangan di antara atas pusat dan dada merupakan amalan Sunnah Rasulullah. Kedua-duanya bersumber daripada hadis yang sama dan berstatus sahih.

Pendapat pertama iaitu meletakkan tangan di bahagian dada merupakan maksud zahir hadis tersebut. Manakala pendapat kedua yang merupakan pandangan para ulama mazhab Shafi'i yang mengertikan bahawa lafaz hadis di atas dada yang dimaksudkan ialah di bahagian antara bawah dada dan atas pusat.¹⁴

Amalan meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri mereka di bahagian atas pusat dan dada inilah yang merupakan amalan kebanyakan masyarakat Islam di sini dan sekitarnya. Walau bagaimanapun meletakkan tangan di atas dada sebagai mengikut maksud zahir hadis juga tidak menjadi kesalahan, kerana kedua-dua amalan ini bersumber daripada Sunnah Rasulullah s.a.w.

Kelima: Riwayat hadis-hadis *sahih* yang berbeza-beza tentang lafaz bacaan tertentu.

Banyak sekali riwayat hadis-hadis yang *sahih* bagi amalan bacaan yang datang dari Rasulullah dalam solat beliau s.a.w. Namun, artikel ini hanya akan berkongsi hadis-hadis pada amalan bacaan *tashahhud* Nabi s.a.w disebabkan keterbatasan ruang.

Terdapat beberapa hadis-hadis yang berbeza yang menjelaskan lafaz bacaan Rasulullah s.a.w. Dalam hal ini, memadai saya berkongsi dua hadis sahaja:



1. Dari Abdullah bin Mas'ud berkata, "Kami dahulu apabila solat di belakang Nabi s.a.w., kami mengucapkan, [Ertinya]: Salam atas Jibril dan Mika'il, salam atas fulan dan fulan. Maka Rasulullah s.a.w. menoleh kepada kami dan bersabda: Sesungguhnya Allah adalah al-Salam. Apabila salah seorang di antara kalian solat, maka hendaklah ia mengucapkan,

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ وَالصَّلَوَاتُ وَالطَّيِّبَاتُ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ فَإِنَّكُمْ إِذَا قُلْتُمُوهَا أَصَابَتْ كُلَّ عَبْدٍ لِلَّهِ صَالِحٍ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

[Ertinya]: Segala penghormatan untuk Allah, selawat dan kebaikan. Salam ke atasmu wahai Nabi dan rahmat Allah serta berkah-Nya, salam kepada kami dan kepada hamba-hamba Allah yang soleh) kerana sesungguhnya apabila kalian mengucapkan yang demikian, nescaya telah mencakup semua hamba Allah yang soleh di langit dan di bumi. Aku bersaksi bahwa tidak ada sembahyan yang sesungguhnya selain Allah, dan aku bersaksi Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya."¹⁵

2. Dari Ibn Abbas r.a. bahawa dia berkata: "Rasulullah s.a.w. mengajari kita doa *tashahhud* sebagaimana beliau mengajarkan surah Al-Quran kepada kami. Beliau berkata,

¹³Al-Imam Muhammad bin 'Ali bin Muhammad Al-Shawkani (1983), *Nayl Al-Awtar Sharh Muntaqa Al-Akhbar Min Ahadith Sayyid Al-Akhyar*, jld. 1, Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, ms. 189.

¹⁴Abu Zakariyya Muhyiddin bin Syarif Al-Nawawi, (t. t.) *Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab Li Al-Shirazi*, jld.3, Jeddah: Maktabah Al-Irsyad, ms. 267.


¹⁵Al-Imam Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin Al-Mughirah bin Bardizbah Al-Bukhari (2001), Sidqi Jamil Al-'Attar (ed.), *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Adhan, Bab Al-Tashahhud Fi Al-Akhirah, no. hadis 831, jld. 1, Beirut: Dar Al-Fikr, ms. 200.

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

[Ertinya]: Kerajaan, keberkatan, selawat, dan kebaikan adalah milik Allah. Semoga keselamatan, rahmat, dan berkah Allah tercurah kepadanya wahai Nabi. Semoga keselamatan juga tercurah pada kami dan hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi bahwa tidak ada Tuhan selain Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad adalah utusan Allah.¹⁶

Jelas daripada hadis-hadis yang disebutkan di sini dan juga dalam riwayat-riwayat *sahih* lain yang tidak disebutkan di sini, terdapat kepelbagaian lafaz *tashahhud* yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w kepada para sahabat. Ini menunjukkan beliau membaca lebih daripada satu jenis bacaan *tashahhud*. Kesemuanya harus dibaca kerana bersumber daripada Rasulullah s.a.w.¹⁷

Walaupun begitu, menurut Imam Al-Baghawi dalam kitabnya *Sharh Al-Sunnah*, para *muhaddith* (ahli hadis) memilih riwayat hadis Ibn Mas'ud sebagai riwayat yang paling kuat dan sahih dan kebanyakan para sahabat dan juga para tabi'in memilih lafaz ini.



Adapun menurut Imam Shafi'i, riwayat bacaan tashahhud yang paling afdal lagi sempurna ialah *tashahhud* versi riwayat Ibn Abbas. Ia dianggap lebih utama kerana terdapat tambahan lafaz tambahan "*Al-Mubarakat*" yang bertepatan dengan ayat Al-Quran,¹⁸ "Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada (sesiapa yang seperti) kamu dengan memohon kepada Allah cara hidup yang berkat lagi baik. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat (yang menjelaskan hukum-hukum-Nya), supaya kamu memahaminya." (Al-Nur, 61)

Selain dari itu Ibn Abbas juga memperkuat versi *tashahhud* tersebut dengan keterangan bahawa Rasulullah mengajar para sahabat bacaan *tashahhud* sebagaimana beliau mengajarkan Al-Qur'an kepada mereka.¹⁹

Adapun salah satu faktor yang mengunggulkan lagi hadis Ibn Abbas adalah ia lebih akhir menerima dari Nabi s.a.w. berbanding dengan riwayat hadis-hadis *tashahhud* yang lain.²⁰

Keenam: Riwayat-riwayat hadis yang berbeza darjat kesahihannya antara *sahih* dan daif pada amalan dan bacaan solat.

Terdapat dalam beberapa keadaan di mana hadis yang dikatakan *sahih*, tetapi dianggap sebagai daif pula di sisi ulama yang lain. Antara contohnya ialah amalan membaca doa qunut.

Terdapat sebenarnya beberapa pandangan yang berbeza di antara para fuqaha', iaitu sama ada disyariatkan membaca qunut ataupun tidak.

¹⁶Al-Imam Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qushayri Al-Naysaburi (1955), Muhammad Fu'ad 'Abd Al-Baqi (ed.), *Sahih Muslim*, Kitab Al-Salah, Bab Tashahhud Fi Al-Salah, no. hadis 60, jld. 1, Beirut: Dar Ihya' Al-Kutub Al-'Arabiyyah, ms. 302.

¹⁷Al-Imam Muhammad bin 'Ali bin Muhammad Al-Shawkani (1983), *Nayl Al-Awtar Sharh Muntaqa Al-Akhbar Min Ahadis Sayyid Al-Akhyar*, jld. 2, ms. 185.

¹⁸Al-Imam Al-Husayn bin Mas'ud Al-Baghawi (1983), Shu'ayb Al-Arnaut et al. (ed.), *Sharh Al-Sunnah*, jld. 3, c. 2, Beirut: Al-Maktab Al-Islami, ms. 183.

¹⁹Ibid.

²⁰Al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar Al-'Asqalāni (1996), 'Abd Al-'Aziz bin 'Abd Allah bin Baz (ed.), *Fath Al-Bari Bi-Sharh Sahih Al-Bukhari*, jld. 2, Beirut: Dar Al-Fikr, ms. 580.

Secara ringkasnya semua sebab ini pula berpunca dari perbezaan pendapat para ulama hasil dari hadis-hadis berkaitan bacaan qunut pada solat Subuh yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w.

Sebab pertama ialah Rasulullah s.a.w. tidak melakukan qunut dalam solat Subuh.

Ini bersandarkan dari hadis Abu Malik Al-Ashja'i dari ayahnya yang berkata: "Aku pernah solat di belakang Rasulullah s.a.w., dan beliau tidak melakukan qunut. Aku juga pernah solat di belakang Abu Bakar dan beliau tidak berqunut. Aku pernah solat di belakang Umar dan beliau tidak berqunut. Aku juga pernah solat di belakang Uthman dan beliau tidak berqunut. Aku juga pernah solat di belakang Ali, dan beliau juga tidak berqunut. Kemudian dia berkata: Wahai anakku itu adalah bidaah."²¹

Sebab kedua ialah Rasulullah s.a.w. melakukan qunut dalam solat subuh dan kemudian meninggalkannya.

Ini pula bersandarkan hadis dari Anas: "Bahawasanya Nabi s.a.w. melakukan qunut selepas ruku' selama sebulan bagi mendoakan kejelekan ke atas satu kabilah daripada kabilah-kabilah Arab, kemudian beliau s.a.w. meninggalkannya."²²

Pada masa yang sama, riwayat Anas r.a. pada hadis kedua adalah untuk menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak

lagi memanjatkan doa-doa seperti itu setelah turun firman Allah taala, "Engkau tidak berhak sedikitpun (wahai Muhammad) dalam urusan (orang-orang yang ingkar) itu, (kerana urusan mereka tertentu bagi Allah), sama ada dia menerima taubat mereka ataupun la menyiksa mereka; kerana sesungguhnya mereka itu orang-orang yang zalim." (Ali Imran, 128)

Sebab ketiga ialah Rasulullah s.a.w. hanya kekal melakukan qunut pada solat Subuh dan meninggalkannya pada solat-solat yang lain.

Ini bersandarkan hadis dari Anas bin Malik r.a. meriwayatkan: "Sesungguhnya Nabi s.a.w. melakukan qunut selama satu bulan mendoakan ke atas mereka, kemudian beliau meninggalkannya. Sedangkan solat Subuh, Rasulullah s.a.w. melakukan qunut sehingga beliau wafat."²³

Bagi yang bermazhab Shafi'i, para ulama mazhab ini berpegang kepada hadis yang terakhir dan mereka menilai status hadis ini sebagai *sahih*. Dengan itu, mereka merumuskan, sebagai kesimpulan daripada himpunan hadis-hadis

²¹Al-Imam Ahmad bin Shu'ayb bin 'Ali bin Sinan Al-Khurasani Al-Nasa'i (2000), *Sunan Al-Nasa'i*, Kitab Al-Tatbiq, Bab Al-Tark Al-Qunut, no.hadis 1088, jld. 1, Stuttgart: Jam'iyyah Al-Maktab Al-Islami, ms. 175. Hadis yang sama juga disebutkan dalam kitab *Sunan Al-Tirmidhi* dengan *sanad hasan sahih* sebagaimana yang dinyatakan oleh Shu'ayb Al-Arna'ut dan Zuhayr Al-Shawish *muhaqqiq* kitab *Sharh Al-Sunnah*. Lihat: Al-Imam Al-Husayn bin Mas'ud Al-Baghawi, (1983), *Sharh Al-Sunnah*, Shu'ayb Al-Arnaut et al. (ed.), jld. 3, c.2, Beirut: Al-Maktab Al-Islami, ms. 123.

²²Ibid., no.hadis 1087. Hadis ini dinilai *sahih* oleh Al-Albani di dalam kitab *Sahih Sunan Al-Nasa'i*. Lihat Muhammad Nasir Al-Din Al-Albani (1998), *Sahih Sunan Al-Nasa'i*, jld. 1, Riyadh: Maktabah Al-Ma'arif, ms. 352.

²³Ahmad 'Abd Al-Rahman Al-Banna, (t. t.), *Al-Fath Al-Rabbani Li Tartib Musnad Al-Imam Ahmad bin Hanbal Al-Shaybani*, Bab Hujjat Al-Qa'ilin Bi Al-Qunut Fi Al-Subh Li Ghayr Nazilah, no.hadis 699, jld.3, Bayrut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi, ms.302. Hadis ini dinyatakan oleh Imam Al-Nawawi bahawa sebilangan jamaah dari para Huffaz sebagai *sahih* dalam kitabnya Abu Zakariyya Muhyi Al-Din Yahya bin Syarif Al-Nawawi, (t. t.), *Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab Li Al-Syirazi*, jld.3, Jeddah: Maktabah Al-Irsyad, ms. 384.



ini, Rasulullah s.a.w mengamalkan bacaan doa qunut pada mulanya ke atas seluruh solat fardu tetapi kemudiannya meninggalkannya dan hanya membacanya pada solat Subuh sahaja.

Namun terdapat juga para ulama yang melemahkan hadis yang digunapakai oleh para ulama mazhab Shafi'i ini.²⁴

Kesimpulan

Melalui analisa ringkas dari kajian terhadap hadis-hadis sifat solat Nabi s.a.w. ini, dapat difahami bahawa perbezaan solat sebenarnya sudah berlaku sejak zaman Rasulullah s.a.w. hasil dari kepelbagaian riwayat mengenai cara solat Baginda s.a.w. sendiri. Demikianlah juga pada zaman para sahabat dan selepasnya yang menerima dan mencontohi amalan solat Rasulullah yang kadangkala berbeza dari satu ketika ke satu ketika yang lain.

Ini juga menunjukkan bahawa perbezaan solat itu sendiri adalah lumrah dan bukan satu perkara luar biasa dan hanya berlaku pada hari ini. Melalui riwayat-riwayat yang berbeza ini pula, ia kemudiannya menjadi pendapat para ulama mazhab dan hadis dalam menentukan amalan dan bacaan solat yang menjadi pilihan berdasarkan hadis-hadis yang *sahih* dan sebab-sebab tertentu yang menjadi hujah di sebalik pilihan bagi amalan yang afdal di sisi mereka.

Dengan memahami hujah-hujah dan dalil hadis di sebalik perbezaan amalan solat yang dilakukan di kalangan umat Islam, diharapkan akan menimbulkan sikap *wasati* dalam menilai dan mengamalkan sesuatu amalan, serta dapat menghapuskan sikap kurang adab dalam menerima perbezaan yang wujud serta sikap suka saling salah menyalahkan. Sebaliknya, umat Islam hendaklah menyemai sikap berlapang dada dalam menerima perbezaan pendapat dan amalan yang diperselisihkan, lebih-lebih lagi jika amalan yang diperselisihkan itu sebenarnya merupakan amalan yang bersandarkan kepada Sunnah Rasulullah s.a.w.



Skim Pengiktirafan Asatizah Mandatori: Satu Analisa

Oleh Ustaz Firdaus Yahya



Latar belakang sejarah

Singapura sudah lama menghasilkan guru Al-Quran, asatizah dan ulama. Pada tahun 1954, sekumpulan asatizah dan ulama yang diterajui oleh almarhum Kiyai Ahmad Zohri bin Mutamim menubuhkan PERGAS, sebuah persatuan yang mereka harap dapat melindungi hak para guru agama.

Dalam perjuangan mempertahankan hak para guru agama dan membela nasib mereka, PERGAS dipincangkan dengan ketiadaan buku daftar para guru agama di Singapura. Maka mengenal pasti siapakah guru agama bergantung kepada pemakluman orang ramai dan pengakuan guru agama berkenaan serta latarbelakang pendidikan mereka.

Mereka yang diiktiraf sebagai guru agama oleh PERGAS layak untuk menganggotainya. Namun, sudah pasti ramai guru agama yang tiada dalam pengetahuan PERGAS kerana kewujudan mereka tidak diketahui. Keadaan ini

²⁴Dinyatakan oleh muhaqqiq kitab *Sharh Al-Sunnah* iaitu Shu'ayb Al-Arnaut dan Zuhayr Al-Shawish bahawa hadis riwayat Imam Ahmad, Imam Daraqutni, Imam Al-Baihaqi dan lain-lain ini sebagai dha'if. Lihat Al-Imam Al-Husayn bin Mas'ud Al-Baghawi (1983), Shu'ayb Al-Arna'ut et al. (ed.), *Sharh Al-Sunnah*, jld. 3, c. 2, Beirut: Al-Maktab Al-Islami, ms. 124.

menimbulkan masalah apabila masyarakat ingin mengetahui adakah seseorang individu itu layak mengajar agama atau layak dianggap sebagai guru agama.

Apabila kes-kes ajaran menyeleweng dan sesat disebarkan oleh individu yang menggelarkan dirinya sebagai ulama dan guru agama, PERGAS hanya boleh ambil tindakan jika individu tersebut merupakan anggotanya.

Jika dia tidak dalam senarai keanggotaannya, PERGAS tidak dapat mengesahkan status individu tersebut.

Beberapa usaha telah dilakukan untuk menambah bilangan anggota PERGAS agar lebih ramai asatizah berada dalam senarai anggota PERGAS. Pertambahan bilangan asatizah sebagai ahli PERGAS boleh dijadikan sebagai satu pangkalan data untuk masyarakat mengetahui kesahihan dakwaan mana-mana individu yang mengaku sebagai guru agama.

Keperluan untuk membangunkan pangkalan data untuk semua guru agama di Singapura, tidak kira sama ada mereka adalah ahli PERGAS atau tidak semakin terasa pada lewat tahun 90an apabila masyarakat dikejutkan oleh kes seorang guru agama berwarganegara Singapura yang ditangkap dan didakwa oleh pihak penguasa agama di sebuah negara jiran kerana beristeri lebih dari empat dalam satu masa. Namun idea untuk pangkalan data tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana tiada sokongan daripada MUIS.

Pada tahun 2001, masyarakat dikejutkan lagi dengan berita kewujudan kumpulan pelampau Jemaah Islamiyah (JI) yang bertujuan memporak-perandakan negara Singapura. Tujuan mereka adalah untuk memulakan pergeseran dan pergaduhan antara umat Islam dan bukan Islam agar mereka dapat akhirnya menubuhkan sebuah negara Islam di Singapura dan kawasan Nusantara ini. Plot-plot keji mereka untuk meletakkan bom-bom di beberapa kawasan awam terbongkar dan anggota serta guru kumpulan ini ditangkap.

Berikutan dari insiden ini, idea PERGAS untuk mengadakan sebuah pangkalan data para asatizah dibangkitkan semula dan mula disambut baik oleh MUIS hingga mendapat sokongan dari pemerintah pula. Usaha-usaha dimulakan untuk membangunkan pangkalan data itu. Pada tahun 2005, ia dilancarkan secara rasmi oleh MUIS dan PERGAS sebagai satu kerjasama antara keduanya.


Pangkalan data ini juga boleh dijadikan sebagai wadah untuk mengiktiraf keahlian guru agama untuk mengajar. Dengan itu lahirlah Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS). Sebuah lembaga ditubuhkan untuk bagi Skim ini. ARS hanya berbentuk sukarela kerana tiada kuasa undang-undang untuk memaksa semua guru agama mendaftarkan diri mereka dengan Lembaga Pengiktirafan Asatizah bagi mendapatkan pengiktirafan sebagai guru agama.

Untuk membantu menarik lebih ramai guru agama mendaftarkan diri mereka, MUIS bersetuju untuk mengadakan latihan dan kursus bagi asatizah yang terdaftar bagi meningkatkan taraf kemahiran dan kemampuan mereka berdakwah dan menjalankan amanah mereka sebagai pewaris anbiya'.

Di peringkat ini, walau pun ARS disambut baik oleh pemerintah, segala kos untuk melaksanakannya dan menjayakannya perlu ditanggung oleh masyarakat Islam sendiri, tanpa sebarang bantuan kewangan daripada pemerintah kerana polisi sekular yang dipegangnya.

Melalui Skim ini, semakin ramai asatizah yang bersedia untuk diiktiraf. Antara dorongan mereka ialah agar mereka diizinkan untuk mengajar di madrasah-madrasah sepenuh masa dan di masjid-masjid. Ini adalah kerana MUIS mengeluarkan peraturan bahawa hanya asatizah yang diiktiraf di bawah ARS sahaja yang dibenarkan untuk berkhidmat menyampaikan ilmu agama di madrasah dan masjid.

Setelah berjalan selama 11 tahun, masyarakat Islam dikejutkan dengan pengumuman Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, ketika Rapat Hari Kebangsaan 2016 bahawa ARS akan diwajibkan atas semua guru agama.



Dengan erti kata lain, seseorang yang tidak mempunyai 'lesen' untuk mengajar agama Islam, tidak dibenarkan untuk mengajar di Singapura, tidak kira sama ada di madrasah, masjid, institusi swasta malah di rumah sekali pun.

Penguatkuasaan ini bermula pada 1 Januari 2017.

Sebab penguatkuasaan ARS Mandatori

Persoalan-persoalan timbul mengenai sebab dan tujuan menjadikan ARS mandatori atau wajib atas semua asatizah di Singapura. Antaranya ialah berikut:

- Mengapa hanya pendakwah dan guru agama Islam sahaja yang diwajibkan untuk mendaftarkan diri mereka sebelum dibenarkan untuk mengajar agama Islam? Mengapa guru agama lain tidak dikenakan undang-undang yang sama?
- Adakah mewajibkan ARS atas asatizah adalah salah satu cara pemerintah memantau dan memastikan siapakah yang layak mengajar?
- Adakah idea mewajibkan ARS ini datang dari pemerintah sendiri?
- Mengapa undang-undang ini diluaskan kepada guru-guru Al-Quran yang sememangnya tidak mengajar agama? Mereka hanya mengajar mengenal huruf Al-Quran dan membaca serta menghafalnya. Apakah tujuan mereka juga dikawal oleh pemerintah?
- Mengapakah sebuah pemerintah sekular campur tangan dengan pengamalan dan pemahaman agama?

Usaha untuk mencari jawapan bagi soalan-soalan seperti di atas perlu bermula dengan mengkaji terlebih dahulu tujuan menjadikan ARS mandatori. Ia diikuti pula dengan penelitian terhadap peraturan yang dibangunkan khusus untuk dijadikan 'tulang belakang' dan 'taring' kepada sistem ARS yang diwajibkan.

Ramai yang beranggapan bahawa idea mewajibkan ARS ini ditimbulkan oleh pemerintah. Apatah lagi yang mula mengumumkannya ialah Perdana Menteri sendiri di wadah nasional yang terpenting - Rapat Hari Kebangsaan. Mereka juga menganggap bahawa tujuannya adalah untuk mengawal dan memantau guru agama Islam akibat latarbelakang dunia sekarang yang mana keganasan dan pelampauan dikait rapat dengan Islam dan penganutnya.

Sebenarnya permintaan untuk menjadikan ARS wajib dan mandatori bukan datang dari pemerintah. Sebagai negara yang sekular, prinsip pemerintah Singapura ialah untuk tidak mencampuri urusan pengamalan dan pengajaran mana-mana agama melainkan apabila ia menjejaskan keharmonian masyarakat berbilang agama dan bangsa atau menggugat keselamatan negara.

Permintaan agar ARS dijadikan mandatori sebenarnya datang dari asatizah mapan yang duduk dalam Lembaga Pengiktirafan Asatizah. Lembaga ini beroperasi di bawah kerjasama antara MUIS dan PERGAS. Ia adalah sebuah lembaga yang tiada kuasa undang-undang kerana, pada asalnya, pendaftaran di bawah ARS berbentuk sukarela. Asatizah tidak perlu mendaftar dengan lembaga tersebut untuk mengajar. Pendaftaran hanya satu nilai tambah kepada yang mendaftar sahaja.

Masyarakat Islam secara umumnya menghormati golongan asatizah sebagai golongan yang alim dalam agama. Atas dasar itu juga, masyarakat meletakkan jangkaan tinggi kepada mereka dari sudut akhlak dan ketakwaannya. Kelakuan yang dipandang biasa dan boleh diterima dari orang awam kemungkinan tidak dapat diterima jika datang dari golongan asatizah. Apatah lagi jika asatizah itu melakukan kesalahan atau maksiat besar.

Namun, asatizah juga manusia. Apabila bilangan asatizah semakin ramai, sudah pasti ada di kalangan mereka yang tidak menepati akhlak yang diperlukan sebagai guru agama. Setandan pisang, sudah pasti ada yang busuk. Lagi banyak tandan pisang, lagi banyak pisang yang busuk.



PERGAS



ASATIZAH
RECOGNITION BOARD

Kes-kes asatizah yang buruk perangai, melakukan maksiat besar dan melakukan jenayah bertambah. Ada di kalangan mereka yang telah pun mendaftar di bawah ARS. Apabila mereka masih berdegil dengan kelakuan dan akhlak yang melanggar hukum agama, norma-norma manusia atau undang-undang negara, Lembaga Pengiktirafan Asatizah akan menarik balik pengiktirafan terhadap mereka.

Pembatalan pengiktirafan ini bermakna guru agama tersebut tidak boleh lagi mengajar di masjid dan di madrasah. Namun, dia masih boleh terus mengajar di rumah-rumah dan pusat pengajian swasta yang mungkin mereka sendiri tubuhkan. Lembaga Pengiktirafan Asatizah tidak mampu menahan 'guru agama' ini daripada terus mengajar dan masyarakat akan terus terdedah dengan bahaya ajaran 'guru agama' sedemikian.

Atas dasar ini, para asatizah mapan yang duduk dalam Lembaga ARS melihat kepentingan ARS diberikan 'taring' undang-undang untuk menyekat terus guru agama yang didapati menyeleweng daripada mengajar agama Islam. Dengan erti kata lain, mereka mahukan kuasa undang-undang di mana sesiapa pun guru agama yang didapati mempunyai kelakuan buruk yang membawa kepada maksiat besar atau melanggar undang-undang negara, keziniannya untuk mengajar agama ditarik terus tanpa ada sebarang peluang bagi individu tersebut mengajar.

Keinginan Lembaga Pengiktirafan Asatizah ini mungkin bertepatan dengan hasrat pemerintah untuk memastikan bahawa masyarakat Islam tidak terdedah dengan ajaran-ajaran yang menjejaskan keharmonian masyarakat dan menggugat keselamatan negara yang dibawa oleh penceramah dan guru agama dalam dan luar negara.



Maka ARS dinaik-taraf daripada sebuah skim pengiktirafan berdasarkan sukarela kepada sebuah skim pengiktirafan asatizah yang wajib.

Inilah sebab pengiktirafan guru agama hanya berlaku pada masyarakat Islam sahaja dan bukan pada masyarakat lain. Golongan agamawan masyarakat lain mungkin tidak atau belum meminta pemerintah agar mewajibkan pengiktirafan guru-guru

agama mereka. Mungkin mereka ada cara mereka sendiri untuk menangani guru-guru agama mereka yang menyeleweng tanpa memerlukan campur tangan undang-undang negara.

Peraturan ARS Mandatori

Setelah pemerintah menyahut permintaan asatizah mapan dalam Lembaga Pengiktirafan Asatizah agar diwajibkan ARS atas semua guru agama Islam dan Perdana Menteri mengumumkannya kepada negara dapat Rapat Hari Kebangsaan, bermulalah aktiviti rancang oleh MUIS dalam membangunkan rangka peraturan di bawah AMLA (Administration of Muslim Law Act) yang memenuhi permintaan tersebut.

AMLA merupakan rang undang-undang yang khusus untuk masyarakat Islam. Ia dibangunkan dan diluluskan pada tahun 1966 dan merangkumi hampir kesemua aspek kehidupan orang Islam di Singapura.

Terdapat dua seksyen yang boleh digunakan untuk menjadikan ARS wajib. Pertama, seksyen 87 yang bersangkutan dengan sekolah agama. Kedua, seksyen 139 yang bersangkutan dengan ajaran sesat.

Perbincangan demi perbincangan diadakan antara MUIS dan Pejabat Peguam Negara. Setelah menilai kedua-dua seksyen tersebut, didapati bahawa seksyen 87 lebih sesuai digunakan untuk membangunkan peraturan baru untuk ARS yang wajib.

Seksyen 139 hanya bersangkutan dengan ajaran sesat. Sedangkan kesalahan yang dilakukan oleh sebahagian guru agama bukanlah dari sudut pengajarannya tetapi dari sudut akhlaknya. Oleh itu, mereka tidak boleh didakwa di bawah undang-undang ajaran sesat yang membawa saman tidak melebihi \$2,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya.

Dalam seksyen 87 pula, di bawah perenggan 9, MUIS diberi kuasa undang-undang untuk menggubal apa juga peraturan bagi melaksanakan tujuan seksyen 87, iaitu menyelia, memantau dan mendaftar mana-mana sekolah agama.

Untuk menggunakan seksyen 87(9) bagi mewajibkan ARS ke atas asatizah, MUIS perlu memberikan definisi baru untuk sekolah agama. Jika pada asalnya sekolah agama dalam AMLA ditafsirkan sebagai madrasah sepenuh masa sahaja, tafsiran baru MUIS adalah ia merangkumi bukan sahaja madrasah sepenuh masa, tetapi apa jua kelas agama yang dijalankan secara tetap dengan pelajar-pelajarnya tiada hubungan kekeluargaan dengan guru yang mengajar.

Dengan tafsiran baru ini, peraturan baru yang dibangunkan MUIS dengan nasihat Pejabat Peguam Negara di bawah kuasa yang diberikan oleh seksyen 87(9) dapat menutup segala peluang untuk mengajar bagi guru agama yang telah ditarik balik pengiktirafannya.

Peraturan ARS Mandatori yang dibangunkan ini merangkumi tiga aspek: 1) peraturan yang bersangkutan dengan sekolah agama, 2) peraturan yang bersangkutan dengan guru agama dan guru Al-Quran, dan 3) kod etika bagi guru agama dan guru al-Quran

Untuk menutup apa jua peluang bagi seseorang menyebarkan agama Islam tanpa pengiktirafan dari ARS, peraturan ini merangkumi semua tempat yang dianggap boleh dijadikan pusat pengajaran Islam secara tetap. Ia termasuk masjid, madrasah, pusat pendidikan swasta malah di rumah juga.

Mereka yang ingin mengadakan kelas agama secara tetap di Singapura, perlu memohon permit daripada MUIS, menyerahkan butiran kurikulum, silibus, guru yang mengajar, bilangan murid dan apa jua maklumat lain yang MUIS inginkan dari masa ke semasa.

Bagi yang ingin mengajar agama Islam dan mengajar Al-Quran, mereka perlu memohon pengiktirafan daripada MUIS. Walaupun seseorang itu mempunyai ijazah sarjana dalam bidang Islam atau seorang yang sudah diiktiraf sebagai mahaguru Al-Quran, mereka tetap tidak boleh mengajar selagi mana pengiktirafan untuk mengajar belum diberikan oleh MUIS. Pengiktirafan tersebut pula adalah untuk selama 3 tahun sahaja. Selepas 3 tahun, MUIS perlu melanjutkan pengiktirafan itu setiap 3 tahun selagi mana MUIS berpuas hati bahawa individu berkenaan memenuhi keperluan sebagai guru agama di Singapura.



DIBERI AMANAH: Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim (empat dari kiri) disertai Ketua Eksekutif Muis, Encik Abdul Razak Maricar (enam dari kiri) dan Mufti Dr Mohamed Fatris Bakaram (dua dari kiri) bersama beberapa anggota ARB yang diberi amanah dalam membantu memperkukuhkan institusi asatizah di samping mempertingkatkan taraf profesionalisme mereka. – Foto M.O. SALLEH

Dalam menentukan kelayakan seseorang untuk mengajar agama dan Al-Quran, beberapa syarat perlu dipenuhi. Antaranya ialah kelayakan pendidikan individu tersebut. Dia juga perlu menghadiri latihan selama 30 jam untuk guru agama atau 10 jam untuk guru Al-Quran sepanjang tempoh pengiktirafan yang diberikan kepadanya.

Kod etika yang ada dalam peraturan ARS Mandatori ini mengandungi garis-pandu umum akhlak, pendekatan dan cara pengajaran yang wajib dipatuhi oleh semua guru agama dan Al-Quran. Pelanggaran kod etika ini boleh menyebabkan lakunya dipanggil untuk dinasihati oleh MUIS. Jika dia tidak berubah, pengiktirafannya untuk mengajar akan ditarik balik.

Mana-mana guru agama dan Al-Quran yang tidak diluluskan permohonannya atau ditarik balik pengiktirafannya, boleh merayu kepada Menteri Bertanggungjawab Atas Hal-Ehwat Orang Islam.

Dalam tempoh rayuannya, jika dia terus mengajar, individu berkenaan boleh dikenakan saman tidak melebihi \$2,000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali. Hukum yang sama juga dikenakan bagi mereka yang mengajar agama Islam tanpa pengiktirafan dan pemilik sekolah agama yang mengambil guru yang tidak ada pengiktirafan dari MUIS.

Penilaian terhadap peraturan ARS Mandatori

Peraturan ARS Mandatori yang berkuat-kuasa pada 1 Januari 2017 memberi kuasa mutlak kepada MUIS untuk mengawal, memantau, meluluskan dan membatalkan mana-mana kelas agama/AI-Quran dan guru agama/AI-Quran. Tiada sesiapa lagi yang boleh sewenang-wenangnya mengajar agama Islam dan AI-Quran tanpa kebenaran dari MUIS.

MUIS juga boleh mengawal mutu pengajaran Islam dan guru yang menyampaikannya, dan secara langsung dapat mengurangkan penyebaran ajaran sesat dan penyelewengan mereka yang tidak layak mengajar agama Islam.

Dengan ini, kemurniaan pendidikan agama Islam dapat dijaga daripada dicemari oleh individu-individu yang berselindung dibalik gelaran 'guru agama' tetapi melakukan perkara-perkara mungkar bagi kepentingan nafsunya.

Seperti pisau, peraturan ini bukan setakat boleh memotong, malah ia juga boleh membunuh jika disalah guna.

Pengkritik peraturan ARS Mandatori ini menimbulkan persoalan berikut: Jika MUIS mengawal semua guru agama dan AI-Quran di Singapura, siapa yang mengawal MUIS? Pihak mana yang dapat menghalang MUIS jika peraturan ini disalah-guna untuk menarik pengiktirafan guru agama yang tulen tetapi mengajar fahaman yang MUIS lihat sebagai salah?

Jika ada yang mengatakan bahawa Lembaga Pengiktirafan Asatizah ada kuasa untuk menahan MUIS daripada melakukan sedemikian, anggapan sedemikian meleset sama sekali.

Untuk menjadikan peraturan ARS Mandatori ini sah di bawah undang-undang negara, Lembaga Pengiktirafan Asatizah dianggap tidak wujud. Lembaga ini tiada sokongan undang-undang. Ia hanyalah satu jawatankuasa kecil tidak rasmi

yang ditubuhkan oleh MUIS untuk membantunya mengenal pasti siapakah yang layak untuk mengajar dan siapakah yang tidak. MUIS secara undang-undang, tidak terikat dengan apa jua rekomendasi daripada Lembaga Pengiktirafan Asatizah.

Jika ada yang menyatakan bahawa PERGAS boleh memainkan peranan penting kerana ARS dimulakan oleh PERGAS dan Lembaga ARS merupakan kerjasama MUIS dan PERGAS, anggapan demikian juga meleset sama sekali.

PERGAS hanyalah satu pertubuhan. Ia tiada sebarang kuasa undang-undang di bawah AMLA. Hanya MUIS, ROMM dan Mahkamah Syariah sahaja yang mempunyai kuasa undang-undang di bawah AMLA sebagai badan berkanun.

Dengan peraturan ARS Mandatori ini, peranan PERGAS dalam rangka pengiktirafan asatizah lenyap sama sekali. Bahkan, sijil pengiktirafan kepada asatizah sekarang hanya boleh memaparkan logo MUIS sahaja. Logo PERGAS

ARS ASATIZAH RECOGNITION SCHEME

Home About Asatizah Recognition Scheme (ARS) Islamic Education Centres and Providers (IECP) Applications Contact Us

Hadith Mengikut Perspektif Fuqaha' & Muhaddithun

Ustaz Mustazah Bahari
Zamil Penyelidikan Bersekutu, RSIS
Ketua Darul Hadith, Masjid Assyafaah

Selasa
21 Mac 2017

2.00 ptg - 5.30 ptg

Auditorium
Tingkat 4
Masjid Mujahidin

Untuk pendaftaran, sila emel kepada
ARS@muis.gov.sg atau hubungi di 66048568.

3 CPE

REGISTER ARS REGISTER IECP ARS DIRECTORY CPE TRAININGS

perlu ditiadakan kerana ia hanya sebuah pertubuhan dan bukan badan rasmi pemerintah. Logo Lembaga Pengiktirafan Asatizah juga perlu ditiadakan kerana dari sudut undang-undang ia tidak wujud sama sekali.

Dimanakah peranan Mufti dalam penentuan keahlian seseorang boleh mengajar Islam atau tidak?

Dalam peraturan ARS Mandatori, Mufti tiada peranan secara langsung. Peranannya hanyalah tertumpu kepada tanggungjawabnya sebagai pengerusi Jawatankuasa Fatwa. Jawatankuasa Fatwa disebut dalam peraturan ARS Mandatori sebagai rujukan kepada pengajaran yang dianggap menyeleweng atau tidak. Namun, Jawatankuasa Fatwa hanya boleh mengeluarkan fatwa jika ditanya. Secara semulajadi, Jawatankuasa Fatwa perlu bersifat pasif dan bukan reaktif.

Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa tiada kuasa untuk menahan MUIS jika MUIS mengambil tindakan untuk menarik pengiktirafan mengajar seseorang guru agama.

Secara umumnya, dengan peraturan ARS Mandatori ini, penentuan mana satu mazhab dan pengajaran agama yang boleh diajar di Singapura terletak pada satu pihak sahaja, iaitu Menteri Yang Bertanggungjawab Terhadap Hal-ehwal Masyarakat Islam. Menteri diberi kuasa untuk menentukan, jika dia mahu, siapakah yang menerajui MUIS, siapakah yang akan disarankan kepada Presiden Singapura untuk duduk di kerusi Mufti, siapakah yang menganggotai Jawatankuasa Fatwa dan siapakah ahli lembaga ARS (jika MUIS masih mahu lembaga itu wujud). Maka menteri tersebut memegang semua mekanisme keagamaan masyarakat Islam di Singapura. Dengan peraturan ARS Mandatori ini, dia mampu, jika dia mahu, mencorakkan masyarakat Islam di Singapura dengan fahaman agamanya tanpa tentangan.

Jika dahulu, asatizah berpeluang untuk bersuara jika ada pengajaran dan pandangan yang bertentangan dengan Islam dibiarkan berleluasa di Singapura, sekarang hak untuk bersuara itu terikat dengan keizinan MUIS dan akhirnya Menteri (kerana semua rayuan terhadap keputusan MUIS kembali kepada Menteri). Sekiranya pihak-pihak tersebut tidak senang dengan suara-suara asatizah tersebut, pengiktirafan mengajar mereka boleh ditarik balik.

Maka, amat penting bagi masyarakat Islam memastikan bahawa jawatan Menteri tersebut diserahkan kepada orang yang tidak mencorakkan pegangan agama masyarakat Islam dan amalan keagamaan mereka dengan fahaman peribadinya. Namun, ini satu perkara yang amat rumit kerana pelantikan kepada jawatan tersebut dilakukan oleh Perdana Menteri, bukannya masyarakat Islam.

Dalam keadaan sekarang di mana PERGAS sudah kehilangan kuasa dalam pengiktirafan asatizah, PERGAS masih boleh jadi wadah yang penting dalam memastikan tiada salah guna dalam pelaksanaan peraturan ARS Mandatori. Suara rasmi PERGAS tidak terikat dengan peraturan tersebut. Namun, semua kelas-kelas agama PERGAS boleh, secara teori, diarahkan untuk ditutup dibawah peraturan tersebut dan ahli penuh PERGAS boleh, secara teori, dihalang mengajar dan kehilangan sumber pendapatan mereka.

Apakah senario-senario ini telah dibayangkan oleh para asatizah mapan dalam Lembaga Pengiktirafan Asatizah tahun lalu? Kemungkinan besar adalah, ya. Namun, persoalan tetap timbul, iaitu adakah mereka dirujuk dalam proses pembangunan peraturan ARS Mandatori?

Jika dilihat masa antara pengumuman Perdana Menteri pada bulan Ogos 2016, dan penguatkuasaan peraturan ARS Mandatori pada 1 Januari 2017, amat jelas bahawa hanya empat bulan sahaja diperuntukkan untuk menggubal peraturan tersebut.



Tempoh masa yang terlalu singkat ini tidak mengizinkan MUIS mengambil maklumbalas dari masyarakat Islam secara umum dan asatizah secara khusus (kalaupun MUIS mahukannya). Maklum-balas hanya diambil daripada Lembaga Pengiktirafan Asatizah dan ahli Majlis yang dipengerusikan oleh Presiden MUIS. Ahli Majlis ini mewakili sebilangan pertubuhan Islam di Singapura.

Pepatah Arab ada mengatakan, “perbuatan yang dibuat secara tenang dan perlahan adalah lebih selamat, sedangkan perbuatan yang dibuat secara terburu-buru akan mengundang kekesalan”.

Mungkin tempoh masa yang diberikan untuk membangunkan peraturan ARS Mandatori ini terlalu singkat. Mungkin dengan lebih banyak masa, pandangan-pandangan daripada berbagai pihak, dan yang terlebih penting suara-suara asatizah, dapat diambil kira. Maklum-balas yang dihadkan kepada kalangan anggota Lembaga Pengiktirafan Asatizah dan ahli Majlis menghasilkan maklum-balas yang terhad juga.

Oleh kerana peraturan ARS Mandatori ini hanyalah peraturan yang dibangunkan dalam rangka AMLA, dan bukan undang-undang AMLA itu sendiri, pengubalan dan perubahan peraturan itu lebih mudah dibuat.

Kita hanya boleh mengharapkan bahawa jika ada penggubalan peraturan tersebut, masa yang lebih panjang akan diperuntukkan untuk mengumpul lebih banyak maklum-balas.



“EVERYTHING WE DO HAS CONSEQUENCES.”

DENNIS POTTER

© Lifehack Quotes

Fiqh Ma'al Dalam Pendekatan Dakwah

Oleh Ustaz Mohammad Rizhan bin Leman

Pendahuluan

Berdakwah ke jalan Allah merupakan tugas sekalian para rasul. Tugas ini turut dipikul oleh para sahabat, tabi'in, dan generasi umat Islam setelah itu sehinggalah ke hari ini.

Allah taala menyifatkan umat ini sebagai *khairulummah* kerana menjalankan tugas menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah mereka dari kemungkaran. Bahkan Allah mengkhususkan dakwah

sebagai salah satu sifat orang-orang mukmin sebagaimana disebut dalam firmanNya,

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan...” (Al-Tawbah: 71)

Imam Al-Qurtubi berkata:

“Allah taala menjadikan mengajak kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran sebagai pembeza antara golongan mukmin dan golongan munafik. Ini menunjukkan bahawa sifat yang paling khusus bagi golongan mukmin ialah mengajak kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran...”²⁵

²⁵Al-Qurtubi (2006), *Al-Jami' Li Ahkam Al-Qur'an*, Bayrut: Mu'assasah Al-Risalah, jld. 5, ms. 73.

Dalam usaha mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran, seorang pendakwah hendaklah melengkapkan dirinya dengan perkara-perkara berikut:

Pertama ialah berdakwah berdasarkan ilmu dan bukan kejahilan. Hal ini adalah penting agar beliau tidak mengajak kepada sesuatu yang disangkanya wajib tetapi pada hakikatnya perkara tersebut bukanlah wajib. Barangkali juga beliau mencegah manusia dari melakukan sesuatu yang disangkanya haram tetapi pada hakikatnya perkara tersebut tidak sampai kepada peringkat haram.²⁶

Kedua ialah mengetahui keadaan golongan yang ingin didakwahnya. Ini adalah penting agar beliau dapat mempersiapkan dirinya bagi menghadapi mereka.²⁷

Ketiga ialah mengetahui pendekatan yang sesuai untuk berdakwah.²⁸ Beliau hendaklah memikirkan natijah atau kesan yang bakal terhasil sekiranya sesuatu pendekatan itu digunakan. Adakah kesan tersebut sesuatu yang positif atau negatif?

Yang terakhir inilah yang lebih dikenali sebagai *Fiqh Ma'al*.

Apakah yang dimaksudkan dengan *Fiqh Ma'al*? Adakah ia disebutkan di dalam Al-Quran? Pernahkah Rasulullah s.a.w. dan para sahabat memanfaatkan *Fiqh Ma'al* dalam menjalankan aktiviti dakwah mereka? Bagaimanakah *Fiqh Ma'al* ini dapat diaplikasikan dalam pendekatan dakwah pada hari ini?

Inilah soalan-soalan yang akan dikupaskan di dalam artikel ini.

Pengertian *Fiqh Ma'al*

Dari sudut bahasa, perkataan *Al-Ma'al* membawa erti tempat kembali dan kesudahan.²⁹

Adapun dari sudut istilah, *Al-Ma'al* membawa erti, "kesudahan dan natijah sesuatu perbuatan, sama ada baik atau buruk dan sama ada diniatkan oleh orang yang melakukan perbuatan atau tidak."³⁰ Dalam artikel ini, yang dimaksudkan dengan *Fiqh Ma'al* adalah memikirkan kesan atau natijah yang bakal terhasil di sebalik sesuatu pendekatan dakwah.

Fiqh Ma'al dalam Al-Quran

Memikirkan kesan atau natijah dari sesuatu pendekatan dakwah bukanlah sesuatu yang diada-adakan oleh para ulama zaman ini. Terdapat banyak contoh bahawa Al-Quran memberi perhatian pada *Fiqh Ma'al* dalam pendekatan dakwah.

Contoh yang dapat ditunjukkan ialah firman Allah taala yang memerintahkan Nabi s.a.w untuk menggunakan pendekatan lembut dalam berdakwah.

²⁶Muhammad bin Salih Al-'Uthaymin (1413H), *Zad Al-Da'iyah Ila Allah*, (t.tp.: Dar Al-Watan Li Al-Nashr, ms. 8.

²⁷Ibid.

²⁸Ibid.

²⁹Yusuf bin 'Abd Allah (2012), *Mabda' I'tibar Al-Ma'al Fi Al-Baith Al-Fiqhi*, Al-Riyad: Markaz Nama' Li Al-Buhuth Wa Al-Dirasat, ms. 36.

³⁰Ibid, ms. 38.


WISDOM CONSISTS OF
THE ANTICIPATION OF
CONSEQUENCES.

Norman Cousins

PICTUREQUOTES.COM

“Maka dengan sebab rahmat dari Allah, kamu telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka dan pohonkanlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepadaNya.” (Ali Imran: 159)

Di dalam ayat ini, Allah taala mengajar Nabi s.a.w. agar menggunakan pendekatan lembut terhadap para pengikutnya dan bukan pendekatan kasar kerana pendekatan kasar tidak mendatangkan apa-apa kebaikan melainkan menyebabkan para pengikutnya menjauhkan diri mereka daripadanya. Ini merupakan contoh yang jelas bagaimana Al-Quran memberikan perhatian kepada kesan atau natijah di sebalik sesuatu pendekatan dakwah.



Fiqh Ma'al dalam pendekatan dakwah Rasulullah s.a.w.

Memikirkan kesan yang bakal terhasil dari sesuatu pendekatan dakwah bukan sahaja diajarkan Allah taala dalam Al-Quran, ia juga ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w.

Diriwayatkan dari Umar bin Al-Khattab bahawa terdapat seorang lelaki pada zaman Nabi s.a.w. yang bernama Abdullah yang diberi gelaran himar (keldai). Beliau pernah membuat Rasulullah s.a.w. tertawa.

Pada suatu hari, beliau dibawa kepada Nabi s.a.w. kerana meminum arak. Nabi s.a.w. memerintahkan agar beliau disebat. Lalu beliau pun disebat. Seorang lelaki berkata, “Ya Allah, laknatilah dia. Sudah sering dia dibawa kepada Nabi s.a.w. untuk disebat.” Maka Nabi s.a.w. bersabda, “Janganlah melaknatinya. Demi Allah, tidaklah saya mengetahui (mengenalinya) melainkan beliau mencintai Allah dan RasulNya.”³¹

Di dalam hadis di atas ini, Nabi s.a.w. melarang orang yang melaknatinya daripada mengucapkan kata-kata laknat meskipun kepada seseorang yang bersalah melakukan dosa besar kerana minum arak. Bahkan, Nabi s.a.w. menyebutkan satu sifat yang ada pada diri Abdullah iaitu beliau mencintai Allah dan RasulNya. Tujuannya adalah untuk membantu dan memberikan harapan kepada Abdullah untuk meninggalkan dosa meminum arak.

Jika diteliti peristiwa ini, kita akan dapati bahawa Rasulullah s.a.w. menerapkan *Fiqh Ma'al* dalam pendekatan dakwahnya, iaitu menerusi larangan melontarkan kata-kata laknat kepada Abdullah. Hikmahnya adalah untuk mengelakkan beliau daripada berputus asa untuk meninggalkan dosa tersebut. Dengan menyebutkan sifat yang mulia yang ada pada Abdullah, Rasulullah s.a.w. sebenarnya membantu dan memberikan harapan kepada

Abdullah agar bertaubat dan meninggalkan dosa meminum arak.

Fiqh Ma'al dalam pendekatan dakwah para sahabat

Selain daripada Al-Quran dan Sunnah, penerapan *Fiqh Ma'al* juga dapat dilihat menerusi tindakan para sahabat Nabi s.a.w.

Suatu ketika, seorang wanita datang kepada Abdullah bin Al-Mughaffal lalu bertanya mengenai seorang wanita yang telah berzina kemudian mengandung. Apabila wanita tersebut melahirkan, dia membunuh anaknya.

Ibn Al-Mughaffal menjawab, “Apa kena dengannya? Baginya neraka.”

³¹Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Hudud, Bab Ma Yukrahu Min La'n Sharib Al-Khamr Wa Annahu Laisa Bi Kharij Min Al-Millah, no. hadith 6780.

Wanita tersebut berpaling dalam keadaan menangis.

Ibn Al-Mughaffal memanggil wanita tersebut lalu berkata, "Saya tidak melihat keadaan kamu melainkan termasuk dalam salah satu keadaan [dalam ayat ini], "Dan sesiapa yang melakukan kejahatan atau menganiaya dirinya sendiri kemudian dia memohon ampun kepada Allah, nescaya dia akan mendapati Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (Al-Nisa': 110). Wanita tersebut pun mengesat air matanya kemudian beredar.³²

Dalam kisah ini, Ibn al-Mughaffal pada mulanya memberikan jawapan yang tegas agar wanita tersebut tidak mengulangi perbuatannya sekali lagi. Namun, apabila Ibn Al-Mughaffal rasa khawatir bahawa pendekatannya itu boleh membuatkan wanita tersebut rasa putus asa dari rahmat dan pengampunan Allah taala, beliau membacakan sepotong ayat yang memberikan harapan kepada wanita tersebut agar kembali kepada Allah taala.



Fiqh Ma'al dalam pendekatan dakwah semasa

Sebagaimana yang dapat dilihat dari perbincangan di atas, *Fiqh Ma'al* mempunyai sandarannya di dalam Al-Quran, Sunnah dan juga tindakan para sahabat. Justeru, adalah perlu bagi para pendakwah masa kini untuk memikirkan implikasi di sebalik sesuatu pendekatan dakwah sebelum menjalankannya.

Berikut adalah beberapa langkah yang ingin disarankan untuk menerapkan *Fiqh Ma'al* dalam pendekatan dakwah semasa.

1. Memilih masa yang sesuai untuk menjalankan aktiviti dakwah

Perkara pertama yang perlu diberikan perhatian oleh seorang pendakwah adalah berkaitan dengan masa.

Sebelum mengajak kepada manusia kepada kebaikan atau mencegah manusia dari kemungkaran, hendaklah seorang pendakwah membuat penilaian sama ada masa yang dipilihnya itu adalah sesuai untuk menjalankan aktiviti tersebut.

Dalam sebahagian keadaan, adalah lebih wajar sekiranya sesuatu aktiviti dakwah ditangguhkan jika sekiranya ia boleh membawa kepada keburukan yang lebih besar jika dilakukan serta-merta.

Pernah satu ketika Sheikh Ahmad Al-Harrani dan pengikutnya berjalan lalu satu golongan Tatar di Damsyik yang sedang meminum arak. Sebahagian pengikutnya cuba mengingkari perbuatan tersebut. Sheikh Ahmad Al-Harrani memerintahkan pengikutnya agar membiarkan golongan tersebut dalam keadaan mabuk dengan alasan bahawa arak diharamkan kerana ia menghalang manusia dari mengingati Allah taala dan mendirikan solat. Adapun golongan tersebut, keadaan mabuk mereka telah menghalangi mereka dari menumpahkan darah dan merampas harta orang. Tujuan Sheikh Ahmad Al-Harrani membiarkan golongan tersebut dalam keadaan mabuk adalah untuk mengelakkan berlakunya kemungkaran yang lebih besar.³³

2. Tidak tampil berbeza daripada kebiasaan masyarakat selama hal itu masih diperbolehkan dalam agama

Salah satu cara untuk menerapkan *Fiqh Ma'al* dalam pendekatan dakwah semasa adalah dengan tidak tampil berbeza dengan kebiasaan masyarakat selama hal itu masih diperbolehkan dalam agama. Malah, kadangkala meninggalkan beberapa amalan yang lebih utama adalah dibenarkan untuk menghindari

³²Al-Tabari (1994), *Tafsir Al-Tabari*, Bayrut: Muassasah Al-Risalah, jld. 7, ms. 476.

³³Mustafa Malaikah (2002), *Kewajipan Menguasai Enam Jenis Fiqh Bagi Pendakwah Islam Di Alam Baru*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, ms. 293-4.

fitnah.

Pendekatan di atas ini mempunyai sandaran dari perbuatan dan perkataan Nabi s.a.w. Di dalam sepotong hadis, Rasulullah s.a.w. bersabda:

“Sekiranya bukan kerana kaummu yang baru sahaja meninggalkan kekufuran, nescaya saya akan hancurkan Kaabah, lalu saya akan bangunkannya semula di atas fondasi Nabi Ibrahim.” (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Pada zaman jahiliyah, kaum Quraish ingin membangunkan semula bangunan kaabah tetapi mereka kekurangan harta yang halal untuk melakukan yang sedemikian. Justeru, mereka hanya mampu untuk membangunkan kaabah seperti apa yang kita lihat pada hari ini.

Apabila Rasulullah s.a.w. menguasai kota Mekah, beliau berhasrat untuk membangunkan semula kaabah mengikut model yang dibangunkan oleh Nabi Ibrahim. Namun, Rasulullah s.a.w. membatalkan hasratnya kerana mempertimbangkan natijah buruk yang bakal timbul sekiranya rancangan tersebut diteruskan.

Pada ketika itu, kaum Quraish baru sahaja memeluk agama Islam dan keimanan mereka masih belum kuat. Perbuatan membangunkan semula Kaabah boleh menyebabkan kaum Quraish meninggalkan Islam kerana mereka merasakan bahawa setiap peninggalan mereka selalu diubah oleh Rasulullah s.a.w.³⁴

Sungguh tajam pemahaman Imam Al-Bukhari mengenai hadis di atas ini kerana beliau meletakkan hadis ini di bawah bab yang berjudul, “Bab: (Disyariatkan bagi) seseorang untuk meninggalkan beberapa perkara *ikhtiyar* (lebih utama) jika dikhuatiri pemahaman sebahagian orang belum mampu untuk menerimanya sehingga mengakibatkan mereka terjerumus ke dalam perbuatan yang lebih parah”.³⁵

Al-Hafiz Al-Zayla'i berkata, “Dibenarkan bagi seorang insan untuk meninggalkan perkara yang lebih utama demi menyatukan hati dan menjaga kesatuan, serta jika khuatir menjadikan umat lari...”³⁶

Sheikh Yusuf Al-Qaradawi berkata,

“Imam Ahmad ibn Hanbal dan selainnya berpendapat bahawa seorang imam (solat) digalakkan untuk meninggalkan perkara yang pada pandangannya lebih utama, apabila hal itu dilakukannya demi menyatukan hati para makmum.

Umpamanya, pada pandangannya bahawa solat witir lebih baik dipisahkan, iaitu dengan memberi salam selepas rakaat kedua kemudian mendirikan satu rakaat, sedangkan beliau menjadi imam bagi satu kaum yang berpendapat bahawa solat witir yang terelok adalah digabungkan (dilakukan dengan satu salam sahaja).

Sekiranya beliau tidak mampu melakukan yang lebih utama, maka kemaslahatan yang tercapai dengan mengikuti cara mereka menggabungkan witir adalah lebih besar daripada kemaslahatan memisahkannya dan kebencian para mereka untuk mendirikan solat di belakangnya.

Demikian juga sekiranya beliau berpendapat bahawa membaca *basmalah* dengan cara perlahan atau kuat adalah lebih utama, sedangkan para makmum mempunyai pandangan yang berbeza, lalu beliau melakukan yang kurang



"Decision making would be so much easier if it weren't for the consequences."

³⁴Abu Abdurrahman Abdullah Zaen (1429H), *14 Contoh Praktek Hikmah Dalam Berdakwah*, Yogyakarta: Pustaka Muslim, ms. 118.

³⁵Al-Bukhari (2004), *Sahih Al-Bukhari*, Bayrut: Dar Al-Ma'rifah, ms. 107.

³⁶Al-Zayla'i (t. t.), *Nasb Al-Rayah Li Ahadith Al-Hidayah*, Jiddah: Dar Al-Qiblah Li Al-Thaqafah Al-Islamiyyah, jld. 1, ms. 328.

utama demi mencapai kemaslahatan yang lebih besar iaitu *al-muwafaqah* (persamaan) dan *ta'lif* (menyatukan hati) daripada kemaslahatan mengamalkan pendapat yang lebih utama, maka ini adalah baik dan dibenarkan.”³⁷


3. Berbicara kepada manusia dengan kadar kefahaman mereka

Fiqh Ma'al dapat diterapkan dalam pendekatan dakwah semasa dengan melihat kepada orang-orang yang ingin kita berdakwah kepada mereka. Seorang pendakwah hendaklah menyampaikan ilmu kepada manusia mengikut kadar kefahaman mereka.

Dalam hal ini, Ali ibn Abi Talib berkata, “Berbicaralah dengan manusia dengan apa yang mereka fahami. Apakah kamu suka Allah dan RasulNya didustakan?”³⁸

Ibn Mas'ud pula berkata, “Tidaklah kamu berbicara dengan satu kaum sesuatu yang tidak dapat mereka fahami melainkan ia akan menimbulkan fitnah bagi sebahagian dari kalangan mereka.”³⁹

Tidak semua ilmu yang diketahui seseorang wajar disampaikan kepada masyarakat umum sebelum membuat pertimbangan-pertimbangan tertentu. Dalam hal ini, Imam Abu Ishaq al-Shatibi telah menggariskan empat perkara yang perlu dipertimbangkan sebelum menyebarkan sesuatu ilmu. Beliau berkata:



“Panduannya: (Langkah pertama) kamu timbang perkara itu dengan syariat. Jika dibenarkan secara syariat, maka (langkah kedua) pertimbangkan akibat yang akan ditimbulkan darinya, tatkala disampaikan pada zaman dan masyarakat yang ada saat itu. Seandainya tidak menimbulkan *mafsadah* (kerusakan), maka (langkah ketiga) timbanglah perkara itu dengan fikiranmu, kira-kira akal masyarakat (telah mampu untuk memahami perkara itu), sehingga mereka mahu menerimanya atau tidak? Jika kamu pertimbangkan bahwa akal mereka telah mampu; maka (langkah keempat)

sampaikanlah kepada masyarakat umum jika perkara itu boleh diterima secara umum, atau sampaikan pada kumpulan yang khusus, jika perkara itu tidak sesuai disampaikan secara umum. Jika perkara yang akan kamu sampaikan tidak memenuhi syarat-syarat di atas, maka yang selaras dengan maslahat menurut syariat dan akal sihat, adalah perkara tersebut tidak kamu sampaikan”.⁴⁰

4. Memberikan alternatif apabila melarang sesuatu

Langkah keempat yang boleh diambil untuk menerapkan *Fiqh Ma'al* dalam pendekatan dakwah adalah dengan memberikan alternatif atau jalan keluar apabila melarang sesuatu perbuatan atau ucapan. Pendekatan ini digunakan oleh Nabi s.a.w.

Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan:

“Dahulu ketika kami mendirikan solat bersama Nabi s.a.w., kami berkata: Salam sejahtera kepada Allah dari hamba-hambaNya. Salam sejahtera kepada fulan dan fulan. Maka Nabi s.a.w. bersabda: Janganlah mengatakan: Salam sejahtera kepada Allah kerana sesungguhnya Allah adalah Al-Salam tetapi katakanlah:

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ، وَالصَّلَوَاتُ وَالطَّيِّبَاتُ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ
الصَّالِحِينَ

Jika kamu membacanya, ia akan sampai kepada sekalian hamba yang berada di langit atau antara langit dan bumi. (Kemudian bacalah):

³⁷Al-Qaradawi (t. t.), *Fi Fiqh Al-Awlawiyyat: Dirasah Jadidah Fi Daw' Al-Qur'an Wa Al-Sunnah*, t. tp: t. pt, ms. 177.

³⁸Al-Bukhari (2004), ms. 107.

³⁹Muslim bin Al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Muqaddimah, Bab Al-Nahy 'An Al-Hadith Bi Kul Ma Sami', hadith no. 14.

⁴⁰Al-Shatibi (2009), *Al-Muwafaqat*, Al-Riyad: Dar Ibn Al-Qayyim, jld. 5, ms. 172.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Kemudian pilihlah doa yang paling kamu suka dan bacalah doa tersebut.” (Riwayat Al-Bukhari)

Adalah kurang wajar bagi seorang pendakwah untuk menghalang manusia daripada melakukan satu perbuatan tetapi tidak menunjukkan mereka jalan alternatif yang dibenarkan.

Apabila Islam menutup pintu zina, ia membuka pintu pernikahan. Apabila Islam menutup jalan riba, ia membuka jalan pemiagaan. Beginilah keindahan ajaran Islam. Apabila ia menutup satu pintu kemaksiatan, ia membuka pula pintu ketaatan. Apabila ia menutup jalan yang dimurkai Tuhan, ia membuka pula jalan yang diredhainya. Dikhawatiri apabila para pendakwah tidak membimbing manusia kepada jalan alternatif yang diredhai Tuhan, sebahagian manusia akan kekal dalam jalan kemaksiatan.

Penutup

Memikirkan kesan atau natijah yang bakal terhasil di sebalik sesuatu pendekatan dakwah adalah penting bagi para pendakwah. Oleh kerana kepentingannya, ia ditekankan di dalam Al-Quran dan Sunnah, serta ditunjukkan menerusi tindakan para sahabat.

Para pendakwah pada hari ini harus bijak memikirkan implikasi di sebalik sesuatu pendekatan sebelum menjalankan aktiviti dakwah mereka agar natijah yang bakal terhasil membawa kemaslahatan bagi masyarakat dan bukan keburukan.



A Wasatiyah Approach to Decision Making Based on *Shari'ah*⁴¹

By Ustaz Muhammad Haniff Hassan

Introduction

On a daily basis, we face various issues in life that require us to make decisions and choices. For a Muslim, decisions and choices must be made not only in accordance to his wants. It has to be in accordance to the principles of his faith - Islam.

The question is, how can this be achieved? What are the levels of analysis needed before a choice or decision is eventually made?

The objective of this article is to provide a brief, basic and balanced *shari'ah*-based guideline that is needed by Muslims in order to analyse an issue before making a decision on it. The guidance is provided in the form of questions that need to be asked before a final conclusion and decision can be made.

⁴¹This article is translated, with some adjustment, from a Malay version titled “Agar keputusan berpandu syariah”, written by the same author and published by *Berita Harian*, on 12 April 2012.

Each process and question mentioned in this article has a basis in the intellectual tradition of Muslim scholars and is explained in great detail in their respective works. The brief illustration of these questions and processes here is for the purpose of making it easily understood by general Muslims.

However, readers who wish to acquire further elaboration can consult scholarly works in the area of *Usul Al-Fiqh* – a discipline in Islamic studies that provide principles for making *ijtihad* in Islamic law which is essentially an act of analysing an issue and deciding the Islamic ruling on it. This would require guidance from *asatizahs* who are trained and specialised in the field of *shari'ah* studies. Alternatively, he can use the processes suggested in this article and, then, consult a trained *ustaz* on whether his conclusion or tentative decision complies with the requirements of Islam.

It must be highlighted here that the processes presented in this article are the author's personal *ijtihad* on the issue for the purpose of public education. It is not a divine revelation that must be followed uncompromisingly. Surely, there are other ideas, from other thinkers, that may be different from what is presented in this article and they may be equally correct or better.⁴² It is up to readers to choose from amongst these ideas to solve the problems that they face, as long as the choice is made based on a proper study of them, not based on an individual's whims and fancy.

Analytical questions

The first question that needs to be asked is: What is the principal *shari'ah* ruling on the issue? The answer to this question must be one of the five rulings known in *shari'ah* i.e. *wajib* (obligatory), *mustahab* (recommended), *mubah* (permissible), *makruh* (disliked) and *haram* (prohibited).

This is a basic question that needs to be asked in order to understand an issue from an Islamic perspective, but should not be the only question asked in a *shari'ah*-based decision making process. Often, Muslims would stop at the answer to this question and does not proceed further in analysing an issue. This attitude could lead to errors because making decisions solely based on the answer to this question only neglects the comprehensive approach to problem solving demanded by the *shari'ah* itself and upheld by Muslim scholars when making an *ijtihad* or issuing a *fatwa*.

A comprehensive approach demanded by the *shari'ah* and exemplified in the works of Muslim scholars requires asking further questions i.e. do I have the capacity or capability to fulfill the principal ruling, or does the principal ruling suits my personal context?, which forms the basis for the second analytical questions.

To answer the questions, a Muslim needs to analyse whether he meets all the criteria (*shart*) and can fulfill all the pillars (*rukun*) of an act that need to be executed. He also needs to analyse if there are factors recognised by the *shari'ah* that would exempt him from a principal ruling. Take obligatory fasting in Ramadan as an example. A Muslim may have all the criteria that would in principle obligate him to fast and he has all the capability needed to fulfill the *rukun*



⁴²See for examples Sami Ibrahim Al-Suwailem (2002), "Decision-making under uncertainty: An Islamic perspective", *Islamic Banking and Finance: New Perspective on Profit Sharing and Risk*, edited by Munawar Iqbal and David T. Llewellyn, UK: Edward Elgar Publishing; Bela Khan (2016), "Decision Making the Islamic Way", *Islamic Online University*, 29 Mar, available at <https://www.youtube.com/watch?v=4SmGh0owHn0> (15 February 2017); Rodrigue Fontaine (2008), "Islamic Moral Responsibility in Decision Making", *IJUM Journal of Economics and Management*, 16:2, available at <http://journals.iium.edu.my/enmjjournal/index.php/enmj/article/view/149/118> (15 February 2017); Rodrigue Fontaine and Khaliq Ahmad (2015), "Strategic Decision Making", *Strategic Management from An Islamic Perspective: Text and Cases*, edited by Rodrigue Fontaine and Khaliq Ahmad, Singapore: John Wiley and Sons; Rodrigue Fontaine (2008), "Problem solving: An Islamic management approach", *Cross cultural Management: An International Journal*, 15:3.

of fasting. However, not fasting may not be sinful to him because he is a traveler and the *shari'ah* recognises travel as a factor that would exempt a Muslim from obligatory fasting.

The Third analytical question is: What is the consequence for executing the principal ruling? i.e. harms (*mafasid*, sin.: *maslahah*) and benefits (*masalih*, sin.: *maslahah*), pros and cons.

This question requires the right understanding of the concept of *maslahah* and *mafsadah* in Islam. The reason for this analytical question is the *shari'ah* may have fixed a ruling on an issue. However, in certain situations, complying to such a ruling may have resulted in greater *mafsadah* or would go against greater *maslahah*, both are in contradiction with the higher objectives of the *shari'ah*.

In such situations, the *shari'ah* would permit an alternative course of action or an exemption to the principal ruling. It is an established principle of Islamic law that an obligation can be forfeited if it is potentially able to cause a greater *mafsadah*.

For example, one is not allowed to continue obligatory fasting if it would endanger his life due to a his sickness. On the contrary, it is permissible to commit a prohibited act if it entails a greater *maslahah* or the avoidance of a greater *mafsadah*. For example, a person who is lost in a jungle is permitted to eat a wild boar to avoid death out of starvation, having exhausted other possibly legal means available within the jungle.

The Fourth analytical question to ask is: What is the degree of priority of this act from the *shari'ah's* perspective?

This question is premised on a fact that a Muslim is burdened with multiple duties and obligations at the same time. In certain situations, some of these duties and obligations may conflict with one and another and a decision must be made to prioritise the most important one to be fulfilled and neglect the others.

If this priority analysis is not factored in or considered in a decision making process, a Muslim may decide on something that may not be in line with the priorities given by the *shari'ah* on the issue and such decisions may lead to God's displeasure depending on the severity of the case.

The final question to be asked is: Are there other options that are equally accepted or recognised by the *shari'ah*, or more preferred because it leads to a greater *maslahah* or will avoid more *mafsadah*.

This question is premised on the fact that there are many ways to achieve an objective recognised by the *shari'ah*. Some of these ways are better or more preferred than others due to its advantages vis-à-vis the context. Thus, a Muslim should not be rigid in making decision by sticking to one option, approach or solution only, even if it is allowed by the *shari'ah*.


To create a better understanding of the abovementioned processes and steps, the chart below with a sample problem for analysis can be referred.

Conclusion

A *wasatiyah* approach to decision-making based on *shari'ah* does not stop at identifying the principal ruling on an issue. It seeks to also consider other factors such as the contextual reality of an issue, consequences (*ma'at*) of an option and the pressing priorities of the day.

One should not rely only on textual references in determining a *shari'ah* ruling for an issue. It has long been established and practised by Muslim scholars, when making *ijtihad* that factors such as *maqasid* of *shari'ah* (higher objective of *shari'ah*), balance of *maslahah* and *mafsadah* and prioritisation vis-à-vis the context i.e. person subject to the ruling and environment surrounding him, are given serious considerations too.

Trust in Allah when Making Decisions



"...Then when you have taken a decision, put your trust in Allah, certainly, Allah loves those who put their trust (in Him)."

www.fb.com/Come.Towards.ALLAH
Quran (Surah Aal-e-Imran)

Sample problem

Ahmad wishes to marry Fatimah. However, Fatimah's parents are strongly against marrying their daughter to him. When the case was brought up the Registrar of Muslim Marriage Office, the *Kadi* decided that Fatimah's parents do not have valid or strong reason to refuse the marriage and to be the *wali* for her. Fatimah is allowed to proceed with the marriage with a *wali hakim*, if she wishes to.

How should Ahmad and Fatimah analyse this issue in order to decide the best course of action as suggested in the article? (See diagram below)

